AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat

Pertimbang nasihati Agong isytihar darurat di 2 DUN

Keputusan bergantung penilaian risiko Kementerian Kesihatan, MKN

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mempertimbangkan keperluan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bugaya dan Parlimen Gerik yang bakal berdepan Pilihan Raya Kecil (PRK) selepas kedua-dua wakil rakyatnya meninggal dunia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen), Datuk Takiyuddin Hassan, berkata keputusan itu bagaimanapun bergantung kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Beliau berkata bagi Batu Sapi, Jemaah Menteri membuat keputusan untuk meminta Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya darurat diisytiharkan berpandukan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, selepas melihat kepada situasi COVID-19 di Sabah.

"Tindakan sama akan dipertimbang dan dilaksanakan bagi DUN Bugaya dan Gerik jika penilaian risiko KKM dan MKN mendapati ia mempunyai keperluan seperti di Batu Sapi," katanya.

***Takiyuddin pada Waktu Pertanyaan Menteri** di Dewan Rakyat, semalam.* (Foto BERNAMA)

BH BeritaHarian

Darurat di Batu Sapi, PRK ditangguh

***Keratan akhbar BH** Khamis lalu.*

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 18 November lalu mengisytiharkan Proklamasi Darurat di Parlimen Batu Sapi, yang sekali gus membatalkan pilihan raya kecil kerusi itu yang ditetapkan 5 Disember ini.

Muhyiddin juga menjelaskan, pengisytiharan Proklamasi Darurat bagi Parlimen Batu Sapi, bertujuan mengelak PRK di kawasan berkenaan dengan mengambil kira lima faktor utama penularan wabak COVID-19.

Ahli Parlimen Gerik, Datuk Hasbullah Osman, 63, yang juga Ketua UMNO Bahagian Gerik, Perak meninggal dunia di Raub, Pahang, pada 16 November lalu kerana sakit jantung.

Keesokannya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bugaya, Manis Muka Mohd Darah, 65, meninggal dunia di Hospital Gleneagles, Sabah.

Takiyuddin berkata, antara masalah di Parlimen Batu Sapi adalah pematuhan garis panduan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan MKN yang berkemungkinan besar tidak dapat dipenuhi sepenuhnya, selain pelantikan petugas pilihan raya apabila sehingga 6 November, hanya 143 daripada 834 petugas yang sanggup bertugas.

"Begitu juga Kementerian Kesihatan memaklumkan kekangan untuk sediakan pegawai dan kakitangan kesihatan bagi mengendali pengundi di Batu Sapi yang berjumlah lebih 32,000 orang.

"Atas dasar itu, kerajaan berpendapat pengisytiharaan darurat adalah sangat tepat dan langkah diambil Yang di-Pertuan Agong amat bertepatan (dengan) Perlembagaan. Ia bukan sekali-kali satu tindakan bercanggah dengan amalan demokrasi.

"Dalam hal ini, situasi sama dijangka di DUN Bugaya dan Parlimen Gerik, malah KKM memaklumkan kekangan untuk menyediakan pegawai dan kakitangan kesihatan bagi mengendalikan pengundi di khemah bergejala," katanya.